

Antara syarikat MoF Inc

- Agrobank
- Amanah Raya Bhd
- Bank Pembangunan Malaysia Bhd
- SME Bank
- EXIM Bank
- FELCRA Bhd
- Indah Water Konsortium Sdn Bhd
- Syarikat Perumahan Negara Bhd
- Syarikat Prasarana Negara Bhd

Syarikat milik MoF Inc disusun ikut kategori

➔ Pastikan - sumbangan positif, pacu pertumbuhan ekonomi

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata pihaknya bercadang untuk membahagikan syarikat kepada tiga kategori selain daripada mengikut sektor seperti hartanah, perladangan, perkhidmatan kewangan dan perkilangan.

Beliau, yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam memulihkan syarikat berkata, bagi kategori pertama akan membabitkan syarikat yang mencatatkan keuntungan dan mengagihkan dividen secara konsisten kepada kerajaan dengan membantu mereka untuk terus berkembang ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi kategori kedua pula, jelasnya, adalah syarikat yang terus mencatatkan kerugian, hutang yang tinggi dan tidak memberi manfaat kepada kerajaan yang mana kerajaan akan menilai semula sama ada ia boleh diselamatkan atau sebaliknya.

Kategori ketiga pula, katanya, adalah syarikat yang perlu dikekalkan seperti syarikat infrastruktur meskipun ia tidak mencatatkan untung kerana syarikat sedemikian perlu ada bagi menyediakan kemudahan kepada rakyat.

Pertimbang semula

"Kami perlu mempertimbangkan semula dan mengumpulkan mereka (syarikat) mengikut sektor dan kategori, kemudian melihat sama ada wujud pertindihan dari segi peranan sebagai syarikat strategik apabila kita memperbadankannya," katanya dalam satu temu bual eksklusif bersama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd, di Putrajaya, Rabu lalu.

Johari berkata, penyusunan semula syarikat di bawah MoF Inc itu mungkin membabitkan aktiviti penggabungan yang mana ia berpotensi ber-

kembang dan menjadi peserta serantau atau disenaraikan di bursa saham.

Bagi institusi kewangan pembangunan seperti SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia Bhd, EXIM Bank, Agrobank dan Bank Simpanan Nasional (BSN) pula, beliau berkata, MoF akan melihat bagaimana institusi kewangan itu dapat bekerjasama antara satu sama lain dari segi jualan silang serta rujukan dari segi pelanggan yang tidak mempunyai rekod yang baik.

Katanya, menerusi 'big data', rujukan silang antara bank itu dapat dilaksanakan dengan lancar.

Beliau berkata, pihaknya sudah menubuhkan pasukan untuk menilai semula syarikat di bawah MoF Inc itu.

Mengenai prestasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Johari berkata, Khazanah Nasional Bhd mencatatkan prestasi yang mengagumkan.

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Irwan Shafrizan Ismail
bhbiz@bh.com.my

Semua 45 syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc) akan dinilai semula secara menyeluruh dan disusun mengikut kategori bagi memastikan syarikat berkenaan menyumbang secara positif kepada kerajaan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.